

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Al-Quran merupakan wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w, menjadi panduan dan petunjuk kepada umat manusia. Ianya bersifat syumul dan pelengkap kepada kehidupan manusia kerana segala-galanya ada di dalam ; akidah, ibadah, muamalah dan sebagainya.

Al-Quran sebagaimana yang disebut oleh para ulamak ialah kitab yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w dengan menggunakan lafaz Arab. Ia diturunkan secara mutawatir dan dimulai dengan surah al-Fātihah dan disudahi dengan surah al-Nās.<sup>1</sup> Allah menamakan al-Quran itu sebagai roh dan menjadikannya cahaya. Sekiranya umat Muhammad mengasingkan dirinya dari al-Quran, maka diumpamakan seperti hidup tanpa roh.<sup>2</sup> Firman Allah Ta'ala :

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَحَرَىٰ مَّا الْكُتِبَ وَلَا الْإِيمَانُ  
وَالَّذِينَ جَعَلْنَا نُورًا لَّنَدَىٰ يَمِينِنَا نَقْرَأُ مِنْ عِلْمِكَ وَإِلَيْكَ لِنَعْدِي إِلَىٰ صِرَاطٍ  
مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٢﴾

Surah al-Shūrā (42) : 52

Maksudnya : “ Dan demikianlah Kami wahyukan kepada mu (Muhammad) wahyu (al-Quran) dengan perintah Kami. Sebelumnya kamu tidaklah mengetahui apakah itu Kitab (al-Quran) dan tidak mengetahui apakah iman itu, tetapi Kami jadikan al-Quran itu cahaya, yang Kami tunjuki dengan dia siapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya kamu benar-benar memberi petunjuk ke jalan yang lurus”.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1998), *Al-Qur'ān al-Karīm Bunyātuhu al-Tashrī'iyyah wa Khasāisuh al-Haḍariyyah*. Beirut : Dār al-Fikr al-Mu'āsir, h. 9.

<sup>2</sup> Aḥmad Ḥasan al-Bāqūrī (1986), *Ma'āni al-Qur'ān Bayn al-Riwāyah wa al-Dirāyah*. Kaherah : Markaz al-'Ahrām Li al-Tarjamah wa al-Nashr, h.25.

<sup>3</sup> R.H.A. Soenarjo S.H. *et. al.* (1971), *Al-Qur'an Dan Terjemahnya*, Madinah: Lembaga Percetakan al-Qur'an Raja Fahd, h. 791.

Lantaran itu, umat Islam perlu menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup mereka. Bukan hanya dibaca bahkan perlu difahami isi kandungannya. Untuk memahami isi kandungan al-Quran, kita perlu memahaminya dengan baik melalui kitab-kitab tafsir yang telah ditulis oleh ulamak terdahulu.

Apa yang penting di sini ialah perlunya membetulkan amalan melalui pemahaman dan petunjuk ayat-ayat al-Quran. Kejelasan terhadap isi kandungan al-Quran sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah adalah berdasarkan sejauhmana kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran dan sifat istiqamah ketika mentafsirkan ayat-ayat dan hukum-hukum-Nya. Dengan itu, tidak akan berlaku perbuatan menukikan apa-apa yang tidak diperkatakan oleh al-Quran, memberi hukum pada tempat yang sepatutnya, tidak menambah sesuatu ke atasnya atau mengurangkan daripadanya, kita tidak mendahulukan ke atas yang akhir dan tidak mengakhirkankan ke atas yang terdahulu. Perkara ini semua memerlukan kaedah-kaedah dan panduan-panduan tertentu untuk mengelakkan daripada sebarang kebatilan dan penyelewengan tafsir.<sup>4</sup>

Kesimpulannya, tafsiran ayat-ayat al-Quran yang baik dan mengikut kaedah-kaedah yang sepatutnya menjadi landasan untuk memahami isi kandungan al-Quran sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah.

### **Latar Belakang Masalah**

Penulisan tafsir bermula pada akhir zaman 'Umayyah dan awal zaman 'Abbāsiyyah. Pada mulanya tafsir merupakan satu bab daripada bab-bab yang terdapat dalam penulisan hadis. Kemudiannya penulisan tafsir ditulis secara berasingan daripada

---

<sup>4</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī (t.t), *Al-Murja' iyyah al-'Ulyā fī al-Islām li al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Kaherah : Maktabah Wahbah, h. 24.

hadis dan ditulis mengikut tertib mushaf al-Quran, contohnya sebagaimana yang ditulis oleh Ibn Mājah (273 H), Ibn Jarīr al-Ṭabarī (310 H), Abū Bakr al-Munzir al-Naysābūrī (318 H), Ibn Abī Hatīm (327 H), Abū Shaykh bin Hibbān (369 H), al-Hākīm (405 H) dan Abū Bakr bin Mardawayh (410 H). Mereka menafsirkan ayat al-Quran bersandarkan sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah s.a.w, para sahabat dan tabi'in, disamping mengistinbatkan sebahagian hukum dan melakukan *i'rāb* sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Jarīr al-Ṭabarī.<sup>5</sup>

Suasana ini berubah apabila berlakunya perluasan ilmu, timbulnya banyak perselisihan, muncul sikap taksub pada mazhab dan berlakunya percampuran ilmu falsafah *'aqliyyah* dengan ilmu *naqliyyah*. Pentafsiran al-Quran juga turut berubah dengan masuknya ilmu-ilmu lain seperti mentafsirkan ayat menggunakan kata-kata hukamak dan falsafah, ilmu fiqh, ilmu tarikh dan ilmu nahu, saraf dan balaghah. Paling malang sekali apabila ia ditafsirkan oleh ahli bidaah, ahli yang berfahaman mu'tazilah dan ahli tasawuf yang menekankan makna *isyārī* semata-mata.<sup>6</sup> Pentafsiran bentuk ini lebih dikenali sebagai *tafsīr bi al-Ra'y* yang mana ia terbahagi kepada dua jenis iaitu *al-Madhmūm* (yang ditolak) dan *al-Mamdūh* (yang diterima).<sup>7</sup>

Termasuk dalam kategori *tafsīr bi al-Ra'y* ialah kitab yang sedang dikaji oleh penulis iaitu *al-Sirāj al-Munīr* oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī. Kitab ini ditulis dalam suasana wujudnya penulisan tafsir secara *al-Ma'thūr* dan secara *al-Ra'y*. Tetapi al-Khaṭīb al-Shirbīnī memilih metode *al-Ra'y* melebihi metode *al-Ma'thūr* dalam tafsirannya.

---

<sup>5</sup> Manna' al-Qaṭṭān (2002), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 332.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Muḥammad 'Abdul al-'Azīm al-Zarqānī (t.t), *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 2, Matba'ah 'Isā al-Bābī al-Halabī, h. 49.

Dalam mukaddimah kitab tafsir *al-Sirāj al-Munīr*, al-Khaṭīb al-Shirbīnī diminta oleh sahabat-sahabatnya supaya menulis tafsir al-Quran yang sederhana : tidak terlalu panjang hingga menjemukan dan tidak terlalu pendek hingga tiada isi. Al-Khaṭīb juga berpendapat bahawa perlu ada pada setiap zaman suatu pembaharuan untuk memudahkan para penuntut dalam memahami tafsir al-Quran. Dengan kata lain, perlu ada tafsiran ayat al-Quran yang mudah difahami sebagai penjelasan kepada orang yang kurang memahami dan juga sebagai galakkan kepada orang yang lemah dalam memahami tafsiran al-Quran.<sup>8</sup> Penulis tertarik dengan kata-kata al-Khaṭīb dalam mukaddimahnya ini dan berusaha memperincikan metodologi yang digunakan oleh beliau di samping mengkaji ciri-ciri yang terdapat dalam tafsirannya sehingga tergolong dalam kitab *tafsīr bi al-Ra'y*.

Istimewanya tafsir al-Shirbīnī ialah kerana penulisnya iaitu al-Khaṭīb al-Shirbīnī merupakan seorang yang *fāqih* dalam ilmu fiqh. Beliau bermazhab al-Shāfi'ī dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang fiqh al-Shāfi'ī.<sup>9</sup> Begitu juga dengan ulamak fiqh yang lain yang banyak memasukkan perbincangan fiqh dalam tafsirannya.

Perbincangan masalah fiqh dalam sesuatu tafsiran ayat biasanya dikaitkan dengan ayat-ayat hukum. Tafsiran ayat-ayat hukum telah wujud dan telah ditulis oleh beberapa mufasir antaranya: *'Aḥkām al-Qur'ān* oleh al-Jaṣṣāṣ (M. 370 H), *'Aḥkām al-Qur'ān* oleh al-Kiyā al-Harrāsī (M. 504 H), *al-'Iklīl fī 'Istinbāṭ al-Tanzīl* oleh al-Suyūṭī (M. 911 H), *'Aḥkām al-Qur'ān* oleh Ibn al-'Arabī (M. 543 H), *al-Jāmi' lī 'Aḥkām al-Qur'ān* oleh al-Qurṭubī (M. 671 H), *Sharḥ al-Khamsimi'ah Āyah* oleh Ḥusīn Ibn Aḥmad al-Najārī (kurun kelapan Hijrah), *al-Thamarāt al-Yāni'ah wa al-'Aḥkām al-*

---

<sup>8</sup> Al-Khaṭīb al-Shirbīnī (2004), *Al-Sirāj al-Munīr*, j. 1, Beirut: Dār al-Ihya' al-Turath, h. 22.

<sup>9</sup> 'Abd al-Qādir Zamāmah (*et.al*) (1997), *Mu'jam Tafāsīr al-Qur'ān al-Karīm*, ASESCO: Mansyūrāt al-Munazzamah al-Islāmiyyah li Tarbiyyah wa al-'Ulūm wa al-Thaqāfah, h. 807.

*Wāḍiḥah al-Qāṭi'ah* oleh Shams al-Dīn Ibn Yūsuf Ibn Aḥmad (kurun kesembilan Hijrah), *Muntahā al-Marām Sharḥ Āyāh al-'Aḥkām* oleh Muḥammad bin Ḥusīn bin al-Qāsim (kurun kesebelas Hijrah) dan *Kanz al-Furqān fī Fiqḥ al-Qur'ān* oleh Miqdād al-Suyūrī (kurun delapan Hijrah).<sup>10</sup>

Corak atau metodologi pentafsiran bergantung sekali kepada kepakaran dan juga ruang waktu yang melingkungi pengarangnya. Contohnya seperti al-Jaṣṣāṣ dan al-Kiyā al-Harrāsī, kedua mufasir ini berlatarbelakangkan mazhab yang berbeza, al-Jaṣṣāṣ bermazhab Hanafī manakala al-Kiyā al-Harrāsī bermazhab Shāfi'ī. Namun satu hal yang bersamaan di mana kedua-dua tokoh ini fanatisme mazhab sangat kelihatan apabila membaca kitab tafsir mereka.<sup>11</sup>

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī tidak mengkhususkan tafsiran ayat-ayat hukum sahaja dalam kitabnya, tetapi beliau banyak memasukkan perbincangan yang berkaitan dengan fiqh atau ayat-ayat hukum, antaranya ialah dalam surah al-Nūr. Penulis cuba untuk mengkaji metode yang digunakan oleh beliau ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Ini kerana kebiasaannya mufasir yang mentafsirkan ayat-ayat hukum terdedah dengan masalah taksub mazhab. Adakah Al-Khaṭīb al-Shirbīnī seorang yang toleransi atau taksub mazhab? Inilah yang cuba dikaji oleh penulis.

Oleh itu, yang menjadi masalah penulis ialah seberapa besar pengaruh ketokohan al-Khaṭīb al-Shirbīnī dalam bidang fiqh terhadap pentafsiran beliau. Bagaimanakah corak atau metode yang digunakan oleh beliau ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum khususnya dalam surah al-Nūr. Inilah yang mendorong penulisan kajian ini.

---

<sup>10</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2000), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j.2, Beirut: Dār al-Yūsuf, h. 471-473.

<sup>11</sup> *Ibid.*, j. 2, h. 476 dan 481.

Kemunculan kitab *al-Sirāj al-Munīr* sebenarnya menambahkan lagi khazanah ilmu Islam khususnya dalam bidang tafsir. Nama al-Khaṭīb al-Shirbīnī perlu diketengahkan ke dalam masyarakat Islam sebagai seorang tokoh ahli tafsir yang telah berusaha menghasilkan sebuah kitab tafsir. Ia juga mengenengahkan golongan ilmuwan dan cendekiawan Islam yang telah memberi sumbangan besar kepada masyarakat Islam. Ini kerana masyarakat Islam khususnya di negara kita lebih mengenali golongan artis daripada mengagumi golongan ilmuwan dan cendekiawan Islam.

### **Pernyataan Masalah Kajian**

Masalah kajian tajuk ini ialah:

- a. Siapakah al-Khaṭīb al-Shirbīnī dan latarbelakangnya sehingga beliau tergolong dalam *kibār al-ʿulama'* terutama dalam bidang tafsir?
- b. Apakah faktor-faktor pendorong bagi penulisan tafsir *al-Sirāj al-Munīr* oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī?
- c. Bagaimanakah metodologi pentafsiran al-Khaṭīb al-Shirbīnī dalam kitab *al-Sirāj al-Munīr*?
- d. Bagaimanakah metode atau corak pentafsiran al-Khaṭīb al-Shirbīnī terhadap ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr?

### **Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ialah:

- a. Memperkenalkan al-Khaṭīb al-Shirbīnī sebagai penulis kitab *al-Sirāj al-Munīr*.

- b. Mengkaji latarbelakang penulisan kitab dan faktor-faktor pendorong kepada penulisan ini.
- c. Menjelaskan tentang metodologi penyusunan dan pentafsiran al-Quran yang digunakan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī.
- d. Mengenalpasti metodologi tafsir yang digunakan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr.

### **Kepentingan dan Rasional Kajian**

Penulis merasakan kajian ini amat penting kerana sepanjang penelitian penulis tiada satu kajian berkenaan metodologi tafsir *al-Sirāj al-Munīr*. Oleh itu, penulis mengambil langkah untuk mengkaji metodologi yang digunakan oleh pengarang kitab tafsir ini. Dengan kajian ini nanti dapat dilihat elemen-elemen yang menyebabkan ia termasuk dalam kategori *tafsīr bi al-Ra'y* dan dapat dilihat corak atau metode pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat hukum.

Al-Khaṭīb al-Shirbīnī adalah seorang ahli tafsir yang belum dikenali oleh masyarakat Islam khususnya di negara kita. Melalui kajian ini diharapkan dapat memperkenalkan beliau dan sumbangannya dalam penulisan ilmu-ilmu Islam di dalam masyarakat Islam.

### **Skop Kajian**

Dalam kajian ini penulis akan membentangkan biodata al-Khaṭīb al-Shirbīnī daripada sejarah kelahiran, kehidupan dan kematiannya. Seterusnya penulis akan mengkaji sumbangan beliau dalam bidang ilmu-ilmu Islam.

Penulis akan memfokuskan perbahasan berkenaan dengan metodologi yang digunakan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī dalam kitab *al-Sirāj al-Munīr*. Perbahasan ini memberi tumpuan sepenuhnya terhadap terhadap ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr dan corak bagaimana ianya ditafsirkan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī serta sedikit perbandingan dengan ahli tafsir yang terlibat dengan pentafsiran ayat-ayat hukum. Penulis juga akan menyatakan beberapa keistimewaan kitab *al-Sirāj al-Munīr* dan juga kritikan-kritikan terhadap kitab tersebut.

### **Huraian Istilah**

Metodologi : dalam bahasa Inggeris ia ditulis dengan “methodology” dan dalam bahasa Arab ditulis dengan “*ilm al-Manhaj*”.<sup>12</sup> *Al-Manhaj* dalam kamus *munjid al-Ṭullāb* bererti jalan atau cara atau kaedah yang jelas.<sup>13</sup> Ini bererti *ilm al-Manhaj* ialah ilmu berkaitan dengan kaedah atau cara, maksudnya ialah kajian sains atau kajian mengenai kaedah (terutama dalam perkara ilmiah).<sup>14</sup>

Tafsir : Ia berasal daripada perkataan *fassara* yang bererti jelas atau nyata.<sup>15</sup> Menurut al-Asfahāny, tafsir ialah perbincangan khususnya berkenaan dengan makna lafaz-lafaz al-Quran yang *gharīb*.<sup>16</sup> Dari sudut istilah, Imam al-Zarkashī mendefinisikan ia sebagai ilmu berkaitan dengan *nuzūl* ayat, surah dan kisah-kisahnyanya, ayat *makiyah* dan *madaniyah*, ayat-ayat yang *muḥkam* dan *mutashabih*, *nāsih* dan *mansūh*, ayat yang khas dan umum, ayat yang *muṭlaq* dan *muqayyad* dan ayat yang *mujmal* dan *mufaṣṣal*.

---

<sup>12</sup> Munīr Ba’labakki (1969), *Al-Mawrid A modern English-Arabic Dictionary*, Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayīn, h. 575.

<sup>13</sup> Fu’ad Ifrād al-Bustāny (1956), *Munjid al-Ṭullāb*, Beirut : Dār al-Masyriq, h. 841.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 782.

<sup>15</sup> Jubran Mas’ūd ( t.t ), *al-Rā’id Mu’jam Lughawy ‘Asriy*, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malayīn, h. 1119.

<sup>16</sup> Al-Rāqib al-Asfahāny (t.t ), *Mufradāt Alfāz al-Qur’ān*, Damsyik : Dār al-Qalam, h. 636.



Ditambah dengan ilmu yang membincangkan tentang halal dan haram, janji baik dan janji buruk, ayat perintah dan ayat larangan serta yang seumpama dengannya, di samping ditegah daripada menukikan kata-kata yang bersumberkan *ra'y*.<sup>17</sup> Mengikut al-Zarqāny, tafsir pada istilah ialah ilmu yang membincangkan tentang *al-Qur'ān al-Karīm* dari sudut *dilālahnya* sebagaimana yang dikehendaki Allah mengikut kadar kemampuan manusia.<sup>18</sup>

Al-Shirbīnī : nama penuh beliau ialah Muḥammad bin Aḥmad al-Shirbīnī<sup>19</sup> iaitu penulis kitab *al-Sirāj al-Munīr*

Kitab *al-Sirāj al-Munīr*: sebuah kitab tafsir al-Quran yang ditulis oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī.

Ayat-ayat hukum : Ayat-ayat al-Quran mengandungi dua jenis iaitu yang *muḥkam* dan yang *mutashābih*. Hakikatnya *muḥkam* adalah berbeza dengan *mutashābih*. Beberapa pandangan ulamak dalam memberikan makna *muḥkam* adalah jelas dalil-dalilnya dan tidak memerlukan perbincangan. Ibn ‘Abbās dan kebanyakan ahli usul berpendapat bahawa ayat-ayat *muḥkam* hanya memerlukan satu bentuk pentafsiran. Imam Ahmad berpendapat bahawa ayat-ayat *muḥkam* cukup dengan dirinya dan tidak memerlukan penjelasan.<sup>20</sup> Yang *muḥkam* inilah yang dinamakan sebagai ayat-ayat hukum. Kesimpulannya maksud *muḥkam* ialah maknanya jelas dan tidak tersembunyi

---

<sup>17</sup> Badr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abdullah al-Zarkashī ( 1957 ), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, j.2, Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyah, h. 148.

<sup>18</sup> Al-Zarqānī (t.t), *op.cit.*, h. 3

<sup>19</sup> ‘Umar Reḍa Kahhalah (1957), *Mu’jam al-Mu’allifīn Tarājim Musannifī al-Kutub al-‘Arabiyah*, j. 1, Damsyik : Matba’ah al-Tarqy, h. 269

<sup>20</sup> Muḥammad ‘Abd al-‘Azīm al-Zarqānī (1980), *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, j. 2, Kaherah: Dār Ihyā’ al-kutub al-‘Arabiyah, h. 272.

dan ia berbeza dengan *mutashābih* yang tersembunyi maknanya dan memerlukan dalil-dalil yang kuat.<sup>21</sup>

## **Kajian Lepas**

Sepanjang kajian penulis, perbincangan berkenaan dengan metodologi tafsir al-Quran banyak didapati di dalam latihan-latihan ilmiah yang ditulis oleh pelajar sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Namun, maklumat berkenaan dengan metodologi tafsir *al-Sirāj al-Munīr* belum didapati sebagai satu bentuk kajian, yang ada hanyalah beberapa penulisan secara ringkas. Begitu juga berkaitan dengan latarbelakang dan biodata Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, belum ada kajian khusus berkenaan dengannya. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kajian ilmiah yang berkaitan dengan aspek-aspek tertentu dengan tujuan yang sedang dijalankan ini.

Kajian berkenaan dengan surah al-Nūr, penulis mendapati satu kajian sarjana yang dihasilkan oleh saudari Arifah binti Ayub yang bertajuk ” *Surah al-Nūr : Kajian Pendekatan al-Qur’an Dalam Mengatasi Gejala Sumbang Mahram*”. Kajian beliau diterbitkan oleh Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 2005. Kajian beliau meliputi definisi sumbang mahram, faktor berlakunya sumbang mahram, kesan ke atas mangsa dan jalan penyelesaiannya menurut surah al-Nūr.<sup>22</sup> Sedikit persamaan kajian beliau dengan kajian penulis iaitu penggunaan ayat-ayat hukum yang berkaitan seperti ayat tentang zina, namun perbezaan yang ketara ialah saudari Arifah mengkaji tentang

---

<sup>21</sup> Ṣubḥī al-Ṣālih (1988). *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Beirut: Dār al-‘Ilm al-Malayiīn, h. 282.

<sup>22</sup> Arifah Binti Ayub (2005), “*Surah al-Nur : Kajian Pendekatan al-Qur’an Dalam Mengatasi Gejala Sumbang Mahram*”, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 135.

pendekatan surah al-Nūr dalam mengatasi gejala sosial tersebut, manakala penulis mengkaji tentang metodologi tafsir ayat hukum dalam surah al-Nūr.

Berkenaan dengan metodologi tafsir ayat-ayat hukum pula, terdapat dalam beberapa kajian. Antara yang terkini ialah yang melibatkan kitab tafsir dalam bahasa selain bahasa Arab iaitu kajian oleh Noventa Yudiar pada tahun 2009 dalam Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam yang bertajuk " *Metode Tafsir Quraish Shihab Tentang Ayat Hukum dan Relevansinya Terhadap Pengembangan Hukum Keluarga Islam di Indonesia*". Kajian beliau memfokuskan kepada tafsir ayat hukum tentang hukum keluarga Islam di Indonesia dan merujuk kepada kitab tafsir Quraish Shihab yang bertajuk Tafsir al-Misbah, Tafsir al-Quran al-Karim dan Wawasan al-Quran. Antara perbincangan hukum keluarga Islam di Indonesia yang dibentangkan oleh beliau ialah perkahwinan beza agama, poligami, dan pembahagian waris.<sup>23</sup> Bezanya dengan kajian penulis ialah penulis menumpukan ayat-ayat hukum yang terdapat dalam surah al-Nūr dengan merujuk tafsiran al-Khatīb al-Shirbīnī, sedangkan saudari Noventa menumpukan ayat hukum tentang kekeluargaan Islam dengan merujuk tafsiran Quraish Shihab.

Seterusnya, kajian sarjana oleh saudara Firdaus bin Sulaiman dari Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2006 juga. Disertasi beliau bertajuk *Tafsīr Ayat al-Aḥkām: Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Jaṣṣāṣ dan Tafsir al-Qurṭubī*. Antara yang dibincangkan dalam penulisan beliau ialah jihad menerusi tafsir surah al-Baqarah ayat 190, serangan bunuh diri menerusi tafsir surah al-Baqarah ayat 195 dan nikah dengan bukan Islam

---

<sup>23</sup> Noventa Yudiar (2009), "Metode Tafsir Quraish Shihab Tentang Ayat Hukum Dan Relevansinya Terhadap Pengembangan Hukum Keluarga Islam di Indonesia", *Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, Vol. 2, No. 1, Februari 2009, h. 17 – 34.

menerusi tafsir surah al-Baqarah. Kajian ini lebih memfokuskan kepada perbandingan antara al-Jaṣṣāṣ dan al-Qurṭubī dari sudut metodologi tafsir ayat hukum. Hasil daripada kajian beliau didapati bahawa a) kepakaran Imam al-Jaṣṣāṣ tertumpu pada bidang tafsir ayat aḥkām dan fekah manakala Imam al-Qurṭubī kepakarannya meliputi tafsir, fekah, aqidah, sirah nabi, tasawuf, qirā'at dan hadis. Ini memberi kesan kepada isi kandungan kitab tafsir mereka, b) metodologi yang digunakan oleh al-Jaṣṣāṣ lebih cenderung kepada metod tafsir *mawḍū'ī*, sedangkan al-Qurṭubī berbentuk metod tafsir *al-Taḥlīlī*, c) dari segi metodologi istinbat hukum, Imam al-Jaṣṣāṣ telah menggunakan dan menyokong metodologi istinbat hukum mazhab Ḥanafī sedangkan al-Qurṭubī menggunakan metodologi istinbat hukum mazhab Mālikī.<sup>24</sup> Persamaan kajian ini dengan kajian penulis adalah dari segi kajian terhadap metodologi tafsir ayat hukum. Bezanya ialah saudara Firdaus memfokuskan kepada perbandingan metodologi oleh al-Jaṣṣāṣ dan al-Qurṭubī, sedangkan kajian penulis lebih fokus kepada metodologi al-Khaṭīb al-Syirbīnī.

Seterusnya, kajian oleh saudara Humaedi dari Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 2006. Tajuk kajian beliau ialah *Metodologi Pentafsiran Ayat-ayat Hukum al-Baghawī dalam Ma'ālim al-Tanzīl*. Kajian ini membincangkan tentang *manhaj* tafsir terhadap ayat-ayat hukum oleh al-Baghawī merangkumi metode penyusunan dan metode pentafsiran. Dalam kajian beliau metode penyusunan oleh al-Baghawī merangkumi a) menjelaskan makna lafaz/ayat penyebutan *asbāb al-Nuzūl*, menjelaskan hukum, membawa beberapa hadis, b) penyebutan *asbāb al-Nuzūl* terlebih dahulu dan c) menjelaskan makna lafaz terlebih dahulu. Manakala metode pentafsiran beliau meliputi ; merujuk kepada pandangan fuqaha', membincangkan masalah *khilafiyah*, membincangkan masalah

---

<sup>24</sup> Firdaus bin Sulaiman (2006), *Tafsir Ayat al-Aḥkām : Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Jaṣṣāṣ dan Tafsir al-Qurṭubī*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 208.

nahu, membincangkan masalah *fiqhiyyah*, mengambil istinbat hukum dan membincangkan masalah *qirā'at*. Antara penemuan penting dalam kajian beliau ialah corak pentafsiran al-Baghawī terhadap ayat hukum iaitu perhatiannya yang amat besar dengan persoalan riwayat, perhatiannya terhadap persoalan fekah dan kejujurannya di dalam mazhab.<sup>25</sup> Beza kajian ini dengan kajian penulis ialah fokus bahan kajian, saudara Humaedi membincangkan metode tafsir ayat hukum oleh al-Baghawī, sedangkan penulis membincangkan metode tafsir ayat hukum oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī.

Selanjutnya ialah tesis oleh Ustaz Abdul Rashid bin Ahmad daripada Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya pada tahun 2003 yang bertajuk "*Tafsir al-Nasafī dan Tafsir al-Jalālayn : Satu Kajian Perbandingan*". Kajian beliau memfokuskan kepada kajian perbandingan antara tafsiran al-Nasafī dan tafsiran al-Jalālayn mengenai beberapa isu. Antara isu perbandingan tersebut ialah huruf *al-Tahajjī/ al-Muqatta'ah*, permasalahan fiqhiyyah, *asbāb al-Nuzūl*, tafsir al-Quran dengan hadis, *Isrā'iliyyat* dan ayat sifat. Hasil daripada kajian beliau terutamanya yang menyentuh masalah *fiqhiyyah* ialah perbezaan yang ketara di mana al-Nasafī cenderung kepada mazhab Ḥanafī, sementara al-Jalālayn cenderung kepada mazhab al-Shāfi'ī.<sup>26</sup> Ringkasnya, kajian ini lebih bersifat perbandingan dan menjadi sandaran kepada kajian penulis terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan ayat-ayat hukum.

Kajian terdahulu tentang tafsir ayat-ayat hukum ialah kajian yang dilakukan oleh Ustaz Zulkifli Hj. Mohd Yusoff pada tahun 1994 yang bertajuk "*Pemikiran al-Qurṭubī Dalam Pentafsiran Ayat Hukum*". Kajian beliau termuat dalam Jurnal Syariah yang diterbitkan oleh Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya. Hasil kajian

---

<sup>25</sup> Humaedi (2006), *Metodologi Pentafsiran Ayat-ayat Hukum al-Baghawī dalam Ma'ālim al-Tanzīl*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h.171.

<sup>26</sup> Abdul Rashid bin Ahmad (2003), *Tafsir al-Nasafī dan Tafsir al-Jalālayn : Satu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. ii.

beliau, terdapat empat kecenderungan Imam al-Qurṭubī dalam menulis tentang ayat-ayat hukum di dalam tafsirnya *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’an*. Kecenderungan tersebut ialah pertama : kecenderungan kepada mazhab Māliki, kedua: kecenderungan kepada menghidupkan fiqh perbandingan, ketiga: mementingkan kaedah usul fiqh, keempat: merujuk hukum-hukum kepada persoalan nahu.<sup>27</sup> Beza dengan kajian penulis ialah fokus kajian dimana Ustaz Zulkifli mengkaji ayat-ayat hukum keseluruhan tafsiran al-Qurṭubī, sedangkan penulis memfokuskan ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr tafsiran al-Khaṭīb al-Shirbīnī.

Kajian-kajian dan penulisan-penulisan di atas merupakan satu bentuk kajian terhadap metodologi tafsir yang digunakan oleh pentafsir-pentafsir selain al-Khaṭīb al-Shirbīnī . Penulis tidak mendapati sebarang penulisan dalam bentuk kajian terhadap metodologi al-Khaṭīb al-Shirbīnī sama ada latihan ilmiah, disertasi atau tesis. Oleh itu penulis cuba untuk mengenengahkan metodologi al-Khaṭīb al-Syirbīnī dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran khususnya ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr.

## **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini penulis akan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan (*library research*) yang merangkumi Metod Pengumpulan Data dan Metod Analisis Data. Penulis akan menggunakan dan merujuk kitab *al-Sirāj al-Munīr* yang asal dan menjadi rujukan utama penulis, di samping kitab yang telah ditahqiq. Dengan kaedah ini, penulis dapat membuat satu kesimpulan yang merupakan intipati kepada kajian ini. Antara perpustakaan yang dirujuk ialah:

---

<sup>27</sup> Zulkifli Hj. Mohd Yusoff (1994), “Pemikiran al-Qurtubi Dalam Pentafsiran Ayat Hukum”, *Jurnal Syariah*, Jil. 2, Bil. 1, Januari 1994, h. 28-38.

- a) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- b) Perpustakaan Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- c) Perpustakaan Peringatan Zaa'ba.
- d) Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),  
Bangi.
- e) Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),  
Gombak.
- f) Perpustakaan Awam, Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Penulis akan mengeluarkan tafsiran ayat al-Quran dalam surah al-Nūr yang dilakukan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī. Kemudian, penulis akan membuat perbandingan metode yang digunakan oleh al-Khaṭīb al-Shirbīnī dengan syarat-syarat dan kaedah-kaedah yang betul yang telah digariskan dalam pentafsiran ayat al-Quran. Melalui kaedah ini penulis akan cuba membuat kesimpulan terhadap perbandingan tersebut.

### **Sistematika Penulisan**

Kajian ini ditulis dan di susun menjadi lima bab. Ia dimulakan dengan bab pendahuluan, di mana penulis mengemukakan pengenalan terhadap kajian yang merangkumi latarbelakang masalah, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan dan rasional kajian, skop kajian, huraian istilah, ulasan penulisan dan metodologi kajian. Bab ini membantu penulis dalam rangka kajian sebelum melangkah lebih jauh dalam kajian ini.

Seterusnya, dalam bab yang pertama, penulis mengemukakan metodologi tafsir fuqaha'. Dalam bab ini membincangkan sejarah pertumbuhan dan perkembangan tafsir fuqaha' dan karya penulisan yang wujud.

Dalam bab yang kedua pula penulis memperkenalkan tokoh mufāsir yang menjadi kajian penulis iaitu Muḥammad bin Aḥmad al-Shirbīnī yang lebih dikenali sebagai al-Khaṭīb al-Shirbīnī. Dalam bab ini penulis akan mengemukakan latarbelakang kehidupan al-Khaṭīb al-Syirbīnī dan biodata beliau disamping sumbangan yang diberikan oleh beliau. Dalam bab ini juga penulis membawa latarbelakang dan faktor-faktor penulisan kitab *al-Sirāj al-Munīr* dan kajian berkenaan dengan metodologi penyusunan kitab ini.

Bab yang ketiga pula memaparkan sekitar ayat-ayat hukum dalam surah al-Nūr. Dalam bab ini penulis membincangkan pengenalan kepada surah ini dan seterusnya mengemukakan ayat-ayat hukum yang terdapat di dalamnya.

Menyusuli bab keempat pula, yang merupakan antara kajian utama penulis iaitu perbincangan berkenaan dengan metodologi *al-Sirāj al-Munīr* terhadap ayat-ayat hukum. Akhir perbincangan ini, penulis membawa perbandingan corak al-Khatīb al-Shirbīnī dengan corak al-Jaṣṣāṣ dan al-Kiyā al-Harrāsī.

Penulisan ini diakhiri dengan bab penutup yang mengemukakan tentang perolehan sepanjang kajian dilakukan. Daripada hasil kajian ini, penulis mengemukakan beberapa idea saranan yang boleh dipertimbangkan.